MEMO ANTARA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU

No. Telefon : 07-2257000 samb. 2754 No. Faks : 07-2242694

RUJ. FAIL	HSAJB/98J/3.2/TAD/100-20/13 JLD. 15 ( )	**TARIKH**	2 Februari 2021
KEPADA	**SEMUA JABATAN / UNIT / WAD**	**Salinan Kepada :** • **PENGARAH HOSPITAL** • **TPH (PEMBEDAHAN)** • **TPH (PERUBATAN)**	
DARIPADA	**TIMBALAN PENGARAH HOSPITAL (PENGURUSAN)**		
PERKARA	**PENGGUNAAN FRASA "PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19" DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT KERAJAAN**		

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas. Surat dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, rujukan JPA.BPP(S)193/6/84 Jld. 4 (4) bertarikh 26 Januari 2021 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan Proklamasi Darurat yang dibuat pada 12 Januari 2021 yang lalu dan sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya setiap penjawat awam menghayati dan memberi komitmen sepenuhnya kepada langkah-langkah yang diambil dalam menangani pandemik COVID-19 ini, maka Kerajaan bersetuju supaya satu frasa baharu iaitu **"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"** ditambah sebelum frasa **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"** dalam semua surat rasmi Kerajaan. Frasa ini akan digunakan selagi mana Proklamasi Darurat masih berkuatkuasa.

3. Bagi meningkatkan kualiti tatacara penulisan surat rasmi dengan penggunaan frasa baharu tersebut, bersama-sama ini disertakan panduan dalam urusan penyediaan surat rasmi seperti di **Lampiran A**. Untuk makluman dan perhatian, surat rasmi yang menggunakan kepala surat (*letterhead*) hanya digunakan bagi penghantaran ke luar HSAJB melalui pos, penghantaran tangan atau faksimili.

4. Bagi penjimatan kertas, templet surat rasmi ini boleh diakses di laman web HSAJB melalui pautan Unit Khidmat Pengurusan - Muat Turun Borang. Segala perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISME ADALAH BUDAYA KERJA KITA"

(ISZALHAMIYAH BINTI MOHAMED)

Lampiran A

Isi Kandungan :
a) Font : Arial
b) Saiz Tulisan : 12
c) Jarak : *Single* hingga 1.5
d) Margin : Normal

GUNAKAN KEPALA SURAT *(LETTERHEAD)*

No. Rujukan

Ruj. Kami : HSAJB/98J/3.2/TAD/100-20/13 Jld. 15( )
Tarikh : 2 Februari 2021

Tarikh di ruang atas sebelah kanan selepas No. Rujukan. Ruangan tarikh yang kosong hendaklah diisi semasa menandatangan surat.

Pegawai Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru
Jalan Abdul Samad
80100 Johor Bahru
JOHOR DARUL TA'ZIM
(u.p.: Encik Hamdan Bin Shuib)

Nama dan alamat penerima

Nama pegawai yang hendak dihubungi

Tuan,

Panggilan hormat penerima

PERMOHONAN PINJAMAN KHEMAH DAN PENTAS SERTA PERALATAN SEMPENA PENGANJURAN PROGRAM FUN WALK DAN MINGGU PENDERMAAN ORGAN TAHUN 2019 PERINGKAT HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU

Tajuk

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (HSAJB) akan mengadakan **Program FUN WALK Dan Minggu Pendermaan Organ Tahun 2019 Peringkat Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru** sepertimana ketetapan berikut :-

Penomboran perenggan 1 kali *Tab* selepas nombor perenggan

Tarikh	**: 19 Oktober 2019 (Sabtu)**
Masa	**: 6.30 Pagi**
Tempat	**: Kompaun JKR 937 / 938 / 939, HSAJB**
Dirasmikan oleh	**: YB Tuan Haji Mohd Khuzzan Bin Abu Bakar** **Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor**

3. Sehubungan itu, pihak HSAJB ingin memohon kerjasama daripada pihak tuan untuk meminjamkan lima (5) unit khemah dan set pentas serta kelengkapannya kepada pihak hospital bagi tujuan yang dinyatakan di atas.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, tuan bolehlah menghubungi Rahmat Bin Selamat di talian 012-7375657. Besarlah harapan pihak hospital agar permohonan ini diluluskan. Segala kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sambungan ke muka surat seterusnya ditulis pada sudut kanan sebelah bawah surat

...2/-

Muka surat di bahagian tengah atas surat

Sekian.

1 kali jarak

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Pengakhiran surat "Berkhidmat Untuk Negara" dan slogan organisasi

"PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISME ADALAH BUDAYA KERJA KITA"

Saya yang menjalankan amanah,

3 kali jarak

(ISZALHAMIYAH BINTI MOHAMED)
Timbalan Pengarah Hospital (Pengurusan)
b.p. Pengarah Hospital
Hospital Sultanah Aminah
Johor Bahru

Nama pengirim ditulis dengan huruf besar dan tebal

s.k.

Salinan kepada

1. Timbalan Pengarah Hospital (Pembedahan)

SAMPLE